

PERTANDINGAN MEMASAK

anian Adabeh Perm



UM 16-5-16 5

SERAMAI 10 kumpulan bertanding pada pertandingan memasak sempena Festival Hari Guru 2016 di pekarangan Dewan Kuliah Pusat 2, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, hari ini.

Kesemua peserta menyediakan tiga jenis masakan berasaskan makanan laut yang ditaja oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan menggunakan produk Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd. (Adabi) selain gas memasak tajaan Petronas.

Antara kriteria yang diambil kira pada

pertandingan itu adalah kreativiti dan rasa masakan, persembahan serta kebersihan.

Penolong Ketua Pengarang Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang.

■ HASSAN MOHD. NOOR menyampaikan hadiah kepada Kumpulan Kerala Team selepas menjuarai pertandingan memasak berasaskan makanan laut yang ditaja FAMA dan Petronas dengan menggunakan produk Adabi.